



KENANGAN: Penerima biasiswa STA dan Daiken serta wakil dari 14 sekolah swasta Cina bergambar bersama (duduk dari tiga kiri) Tagat, Chin, Lau, Wong, Choo dan Wee. — Gambar Jeffrey Mostapa

STA, Daiken serah biasiswa kepada lapan penerima

KUCHING: Persatuan Kayu Kayan Sarawak (STA) dan Daiken masing-masing menyampaikan biasiswa kepada lapan penerima dalam satu majlis yang diadakan di Wisma STA di sini, semalam.

Tiga daripada penerima adalah bagi Biasiswa STA dan mereka ialah Hamizan Malek, Godfred Eugene La-En dan Ronald Lian Nuh.

Hamizan kini adalah pelajar tahun kedua Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Pengurusan dan Sains Sumber Tanaman di Fakulti Sains dan Teknologi Sumber di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Godfred pula berada di peringkat tahun akhir pengajian dalam bidang yang sama manakala Ronald pada tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Teknologi Sains Kayu di Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau kini sedang menjalani latihan perindustrian bersama Sarawak Forestry Corporation.

Setiausaha Kehormat STA Dato Henry Lau berkata STA kini sedang menerokai kemungkinan untuk menyediakan biasiswa penuh bagi pelajar ijazah yang layak melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan di Swinburne University of Technology Kampus Sarawak dan Curtin University Kampus Sarawak.

Sementara itu Biasiswa Daiken diberikan kepada lima pelajar.

Yong Lee Kien adalah penerima terbaharu Daiken. Beliau pelajar

tahun pertama Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Pengurusan dan Sains Sumber Tanaman) di UNIMAS.

Leong Ting Hao pula menerima Biasiswa Daiken pada 2012.

Beliau kini mengambil pengajian tahun kedua dalam kursus yang sama manakala Cheah Bin Pin, penerima pada 2010, sedang mengikuti pengajian tahun akhir.

Curazon Landon Munan dianugerahkan Biasiswa Daiken pada 2010 dan kini mengikuti pengajian tahun ketiganya dalam Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan di Fakulti Kejuruteraan UNIMAS.

Adeline Tan Jia Jia adalah penuntut tahun kedua Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam di Swinburne University of Technology Kampus Sarawak. Beliau menerima Biasiswa Daiken pada 2012.

Pengurus Kanan Daiken Anthony Chin berkata pihaknya berharap untuk menyumbang kepada pembangunan sumber manusia yang mahir dan berpengetahuan untuk membantu ke arah melestarikan industri perindustrian di Sarawak.

“Perkara terbaik mengenai biasiswa ini ialah ia adalah biasiswa yang tidak mengikat.

“Kami harap dan percaya pelajar yang dipilih akan berasa seronok dan cemerlang dalam pengajian mereka dan suatu hari nanti memberikan sumbangan sebagai pemimpin baharu dan dicontoh di Sarawak.”

Sementara itu STA turut memberi sumbangan keseluruhan sebanyak RM350,000 kepada 14 sekolah menengah swasta Cina.

“Kami difahamkan bahawa sekolah-sekolah ini beroperasi dengan defisit yang begitu besar iaitu RM5 juta setahun.

“STA berbesar hati kerana dapat memainkan peranan untuk membantu 14 sekolah ini dan Persatuan Lembaga Pengurusan Sekolah Menengah Cina Swasta Bersatu Sarawak,” kata Lau.

STA turut menyumbang RM150,000 lagi kepada lembaga berkenaan sebagai biasiswa untuk diberikan kepada pelajar yang layak dan memerlukan bantuan.

Pelajar di kawasan luar bandar turut mendapat manfaat daripada tabung pendidikan RM100,000 yang akan ditadbir oleh Perbadanan Pembangunan Industri Perindustrian Sarawak (STIDC).

“STA percaya sokongannya untuk menaikkan tahap pendidikan adalah sejajar dengan objektif pendidikan kita di Malaysia untuk mengembangkan potensi individu menerusi pendidikan berkualiti,” kata Lau.

Turut hadir Pengurus Daiken Miri Sdn Bhd Simon Wong, Bendahari Kehormat STA merangkap Pengarah STA Mutual Sdn Bhd Phillip Choo, Naib Presiden Persatuan Lembaga Pengurusan Sekolah Menengah Cina Swasta Bersatu Sarawak Richard Wee Liang Chiat dan Penolong Kanan Pengurus Besar Bahagian Kawalan Perdagangan STIDC Tagat Jimbat.